

D698

U 8843 AAB
MAHATHIR - DASAR

JOHOR BAHRU, 23 OGOS (BERNAMA) -- SEGALA DASAR YANG DIGUBAL DAN DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN ADALAH UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DAN KEMAJUAN NEGARA, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

DALAM MERANGKA DAN MELAKSANAKAN DASAR-DASAR ITU, KERAJAAN BERNIAT BAIK DAN TIDAK SEKALI-KALI BERTUJUAN UNTUK MENGANIYAI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN SERTA MENYUSAHKAN RAKYAT, KATANYA.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN KIRA-KIRA 1,000 PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN DI KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR, +SAUJAMA+, DI SINI HARI INI, PERDANA MENTERI MEMBERI PENJELASAN PANJANG MENGENAI TUJUAN SEBENAR DASAR PANDANG KE TIMUR, PERSYARIKATAN MALAYSIA, PENSWASTAAN DAN JUGA CADANGAN KERAJAAN UNTUK MENGURANGKAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM NEGARA.

BELIAU BERKATA DASAR-DASAR YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN ADALAH UNTUK MEMBANGUN DAN MEMAJUKAN NEGARA INI SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU YANG LAIN SERTA DIHORMATI OLEH ORANG LAIN.

+APAKAH KITA BERPUAS HATI DENGAN KEADAAN KEMAJUAN NEGARA SEKARANG? KITA HENDAKLAH MENJADIKAN NEGARA INI LEBIH MAJU DARIPADA NEGARA-NEGARA LAIN DAN BUKAN UNTUK MENYUSAH DAN MENGANIYAI SESIAPA,+ KATANYA. -- LAGI

1324MST 23 08 88

U 8844 AAB
MAHATHIR - DASAR 2 JOHOR BAHRU

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AKIBAT DARIPADA KEKURANGAN PENJELASAN MENDALAM DAN KETERANGAN LANJUT MENGENAI DASAR-DASAR KERAJAAN ITU TELAH MENIMBULKAN SEDIKIT SALAH TAFSIRAN DAN KETIDAKFAHAMAN DI KALANGAN RAKYAT AKAN TUJUAN SEBENAR DASAR-DASAR ITU DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN YANG SEBENARNYA BERNIAT BAIK DAN MENGUNTUNGKAN NEGARA.

MENGENAI DASAR PANDANG KE TIMUR, BELIAU MENYANGKAL DAKWAAN KONONNYA IA HANYA BERTUJUAN UNTUK MEMBERI KONTRAK KEPADA JEPUN DAN KOREA SELATAN DAN MEMBELI BARANG-BARANG DARI KEDUA-DUA NEGARA ITU.

ASPEK PALING PENTING YANG DITEKANKAN DI BAWAH DASAR ITU IALAH CARA ORANG-ORANG JEPUN DAN KOREA SELATAN BEKERJA SEHINGGA BOLEH MENGHASILKAN KEJAYAAN SERTA SEMANGAT BERPASUKAN YANG DIAMALKAN OLEH MEREKA SEMASA MENJALANKAN TUGAS.

+PERASAAN KEKITAAN, SAMA-SAMA BERTANGGUNJAWAB, CARA MEREKA MENGURUSKAN PENTADBIRAN ADALAH ASPEK-ASPEK PENTING YANG KITA INGIN CONTOHI DAN SEMAIKAN DI KALANGAN RAKYAT NEGARA INI,+ KATANYA.

+CARA INI ADALAH AGAK BERLAINAN DENGAN SISTEM BEKERJA DI NEGARA BARAT YANG MENGAMALKAN KONSEP MENGASINGKAN ORANG ATASAN DENGAN BAWAHAN,+ KATANYA.

-- LAGI

1326MST 23 08 88

0712

U 8849 AAB
MAHATHIR - DASAR 3 JOHOR BAHRU

+JIKA KITA TIDAK DAPAT MENIRU 100 PERATUS CORAK ERTIKA KERJA ORANG-ORANG JEPUN DAN KOREA SELATAN, KITA CUBALAH AMALKAN SETAKAT YANG BOLEH DIAMALKAN,+ TEGASNYA.

BAGAIMANAPUN, INI TIDAK BERMAKNA +KITA LANGSUNG TIDAK MENGAMALKAN SISTEM KERJA CARA BARAT,+ KATANYA, SAMBIL MENAMBAH BAHAWA MALAYSIA AKAN MENGAMALKAN APA SAHAJA CARA, BAIK DARI TIMUR ATAUPUN BARAT, YANG MEMBERI FAEDAH KEPADANYA.

MENGENAI KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA, BELIAU MENERANGKAN KERAJAAN MEMPERKEMALKAN DASAR ITU KERANA SELAMA INI WUJUD KEADAAN SEOLAH-OLAH KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA +SENTIASA BERMUSUHAN+.

KEADAAN ITU HARUS DIPERBETULKAN KERANA +JIKA KITA TANYA DIRI KITA SENDIRI SECARA JUJUR HASIL YANG DIPEROLEHI OLEH KERAJAAN DARIPADA CUKAI DATANGNYA DARIPADA SEKTOR SWASTA.+

+KALAU KITA SEKAT PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN SEKTOR SWASTA, BAGAIMANA DIA BOLEH MAJU, DAN APABILA PIHAK SWASTA RUGI, KERAJAAN JUGA MENGHADAPI KEKURANGAN HASIL CUKAI,+ KATANYA. -- LAGI
1357MST 23 08 88

0713

U 8850 AAB
MAHATHIR - DASAR 4 JOHOR BAHRU

KERAJAAN MEMPUNYAI 40 PERATUS SAHAM DALAM SYARIKAT-SYARIKAT DI MALAYSIA DALAM BENTUK +CUKAI KORPORAT+ WALAUPUN +KITA TIDAK BAYAR PADA SAHAM-SAHAM ITU.+

WANG CUKAI YANG DIPEROLEHI DARIPADA SEKTOR SWASTA INILAH KERAJAAN GUNAKAN UNTUK MEMBAYAR GAJI DAN MENJALANKAN PROJEK PEMBANGUNAN.

+KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA ADALAH SEOLAH-OLAH KERAJAAN DAN SWASTA BERADA DALAM SATU SYARIKAT DAN SALING BANTU-MEMBANTU ANTARA SATU SAMA LAIN DAN KITA JUGA CUBA SELESAIKAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH SEKTOR SWASTA AGAR DIA BOLEH MAJU DAN KERAJAAN MENDAPAT FAEDAH DARIPADANYA,+ TEGASNYA.

+PERSYARIKATAN MALAYSIA ADALAH PENTING UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA,+ KATANYA, SAMBIL MENAMBAH BAHAWA KERAJAAN NEGARA-NEGARA LAIN, SEPERTI JEPUN DAN TAIWAN SANGSUP MEMBERI PINJAMAN TANPA FAEDAH UNTUK MEMAJUKAN INDUSTRI SEKTOR SWASTA.+

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BANYAK PEGAWAI KERAJAAN YANG RASA CURIGA TERHADAP DASAR PENSWASTAAN KERAJAAN, SAMBIL MENAMBAH BAHAWA KERAJAAN SENTIASA MENJAGA AGAR KEPENTINGAN DAN KEBAJIKAN PEKERJA TIDAK TERJEJAS SEBELUM MEMUTUSKAN UNTUK MENSWASTAKAN SESUATU PERKHIDMATAN ATAUPUN AGENSINYA. -- LAGI
1400MST 23 08 88

0717

U 8852 AAB

MAHATHIR - DASAR 5 JOHOR BAHRU

DI BAWAH DASAR PENSWASTAAN, KATANYA, SESEDRANG KAKITANGAN AWAM MASIH BOLEH KEKAL DALAM SKIM KERAJAAN DENGAN MENERIMA FAEDAH PENCEN DAN ELAUN.

MEREKA YANG MEMILIH SKIM SYARIKAT PULA BERPÉLUANG MENIKMATI FAEDAH MEMBELI SAHAM DALAM SESEBUAH SYARIKAT YANG DISWASTAKAN SERTA MENERIMA IMBUHAN-IMBUHAN LAIN BERGANTUNG KEPADA PRESTASI SYARIKAT BERKENAAN.

BELIAU MENYEBUT CONTOH KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH LEMBAGA PELABUHAN KELANG DI BAWAH KONSEP PENSWASTAAN, YANG PULANGANNYA LEBIH TINGGI BERBANDING DENGAN MASA LEPAS.

KEJAYAAN INI JELAS TERBUKTI SEHINGGAKAN PIHAK PEKERJA PELABUHAN ITU MENGHANTAR SURAT KEPADANYA MEMINTANYA AGAR MENSWASTAKAN KESELURUHAN OPERASI PELABUHAN ITU.

+JIKA DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN, ADA JUGA KEUNTUNGAN DIPEROLEHI TETAPI TIDAK BANYAK SEBAGAIMANA DIBUKTIKAN DI BAWAH DASAR PENSWASTAAN,+ KATANYA. -- LAGI
1408MST 23 08 88

0718

U 8853 AAB

MAHATHIR - DASAR 6 JOHOR BAHRU

MENGENAI CADANGAN KERAJAAN HENDAK MENGURANGKAN SAIZ KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM YANG KINI BERJUMLAH 860,000 ORANG TIDAK TERMASUK POLIS DAN TENTERA, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI JAMINAN LANGKAH ITU AKAN DIJALANKAN DENGAN TIDAK MENYUSAHKAN MANA-MANA PIHAK.

KATANYA, KERAJAAN HARUS MEMPUNYAI BATASNYA MENGENAI JUMLAH KAKITANGAN YANG SEBENARNYA DIPERLUKAN KERANA SELAMA INI TIDAK ADA +HAD+ DITETAPKAN DAN SETIAP TAHUN PENGAMBILAN DIJALANKAN.

+SEMASA NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN, CUMA TERDAPAT 130,000 KAKITANGAN AWAM DAN KINI JUMLAHNYA MENINGKAT KEPADA 860,000 DAN JIKA DIAMBILKIRA ANGGOTA POLIS DAN TENTERA MUNGKIN BILANGAN MEREKA HAMPIR SEJUTA ORANG,+ KATANYA.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR, HAJI MUHYIDDIN YASSIN, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, DATUK HAJI ABDUL RAHIM RAMLI, DAN PARA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI. -- BERNAMA

1410MST 23 08 88